

Bab 4

Bahagian Latihan Kemahiran

Melalui program latihan kemahiran, MARA menyediakan kemudahan-kemudahan melatih tenaga mahir dan separa mahir di dalam berbagai-bagai bidang teknikal ke arah memenuhi keperluan negara serta meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan yang memerlukan kemahiran.¹ Di samping itu, kegiatan ini juga diharapkan dapat membantu ke arah mewujudkan bakal usahawan selaras dengan perkembangan perindustrian negara. Kelayakan minima mengikuti kursus ini ialah tamat sekolah rendah dan bergantung rapat kepada kursus yang dipilih.

Program latihan kemahiran MARA terbahagi kepada 3 peringkat atau tahap latihan iaitu:

1. Tahap asas - Pusat Giat MARA (PGM)
2. Tahap pertengahan - Institut Kemahiran MARA (IKM)
3. Tahap tertinggi - Latihan Kemahiran Tertinggi MARA (LKTM).²

¹ *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 6.

² Lihat Majlis Amanah Rakyat, *Wawasan MARA Ke Mana Arah?*, hlm. 93. Tahap Latihan Kemahiran Tertinggi MARA diperkenalkan selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB). Ini bermakna LKTM tidak dibincangkan dalam kajian ini.

1. Pusat Giat MARA (PGM)

Latihan di Pusat Giat MARA (PGM) adalah latihan kemahiran tahap rendah di dalam program latihan kemahiran MARA. Ia mula beroperasi pada tahun 1986.³ Objektif penubuhan Pusat Giat MARA ialah untuk memberi pengetahuan dan latihan teknikal kepada masyarakat luar bandar dalam bidang bersesuaian dengan keperluan tempatan agar segala pengetahuan dan pengalaman dapat digunakan terus untuk meninggikan taraf hidup mereka melalui pengujudan usaha niaga dan peluang pekerjaan.

Sasaran PGM ialah memberi latihan dan pengalaman teknikal kepada masyarakat dengan mengutamakan mereka yang belum pernah mendapat latihan kemahiran bagi tujuan mendapat kerja dan berusaha sendiri. Di samping itu, PGM juga menerima pelatih yang terdiri daripada mereka yang hilang pekerjaan dan terpaksa mencari kerja, mereka yang ingin menambah pengetahuan kemahiran untuk kerjaya dan mereka yang sedang bekerja yang memerlukan peningkatan tahap kemahiran dalam jurusan yang diceburi.

Berbagai kemudahan disediakan oleh PGM untuk pelatih-pelatih yang mengikuti latihan anjurannya. Antara kemudahan yang disediakan ialah latihan percuma, elauan bulanan (kepada pelatih sepenuh masa), kemudahan menggunakan semua peralatan dan mesin-mesin, kemudahan rekreasi dan sukan, sijil kehadiran kursus PGM dan kemudahan bimbingan kerjaya setelah tamat berkursus.⁴

³ Ibid., hlm. 95.

⁴ *Prospektus Giat MARA Malaysia*, Cetakan Giat MARA, School of Printing, Bangi, Selangor, 1998.

Tahap latihan di PGM adalah berbentuk asas di mana pelatih-pelatih yang berminat tanpa mengira kelayakan atau peringkat umur akan dilatih di dalam berbagai jenis ketukangan. Kursus yang ditawarkan ialah membaiki motosikal, teknologi automotif kenderaan komersil, membuat kusyen dan perabot, mengetuk dan mengecat kereta, membuat perabot kayu, membuat barang fiberglass, binaan (batu bata), binaan (tukang kayu), binaan (jubin), penyejukan dan penyaman udara, membaiki radio, televisyen dan video, memasang paip domestik, pendawaian elektrik domestik, membaiki ejin bot, membaiki alat elektrik rumah, fibrikasi logam, mekanik komputer, teknologi percetakan, *toolrnic*, membuat perabot rotan, teknologi bangunan, *industrial maintenance*, mekanik am, teknologi simen kraf dan yang terakhir kursus membuat pakaian.⁵ Jenis kursus yang ditawarkan adalah bagi menyokong dan mempertingkatkan aktiviti setempat dan untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat. Ini bermakna lulusan PGM dapat menjalankan usahaniaga mereka mengikut keperluan setempat dan tidak perlu mencari peluang pekerjaan di tempat lain. Dengan kaedah ini, PGM dapat memainkan peranan ke arah membantu menyelesaikan masalah penghijrahan belia luar bandar ke bandar.⁶

2. Institut Kemahiran MARA (IKM)

Setelah MARA menaikkan taraf Maktab MARA kepada ITM pada 14 Oktober 1967, peluang anak-anak Bumiputera yang tidak cemerlang dalam akademik untuk

⁵ Ibid.

⁶ Majlis Amanah Rakyat, *Wawasan 2020 Ke Mana MARA*, hlm. 94.

mendapat latihan kemahiran telah tertutup. Keadaan ini berlaku kerana untuk memasuki ITM, seseorang pelajar mestilah mendapat keputusan yang baik, khususnya dalam peperiksaan *Malaysia Certificate of Education* (MCE) yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan. Untuk menampung anak-anak Bumiputera yang tidak cemerlang dalam bidang akademik tetapi berminat dengan latihan industri, maka MARA melalui Bahagian Latihan Kemahiran telah menubuhkan Institut Kemahiran MARA (IKM), Pusat Giat MARA (PGM) dan Institut Kemahiran Tinggi MARA (IKTM) sebagai langkah alternatif setelah menaikkan taraf Maktab MARA ke ITM.

Konsep IKM

Selaras dengan kehendak dan keperluan negara, IKM telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mengeluarkan lebih ramai tenaga pekerja mahir khususnya dari kalangan belia Bumiputera.⁷

Rancangan penubuhan IKM merupakan satu usaha MARA bukan sahaja untuk mengeluarkan tenaga pekerja mahir tetapi juga sebagai satu langkah untuk mengurangkan pengangguran di kalangan para belia berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), *Lower Certificate of Education* (LCE), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan *Malaysia Certificate of Education* (MCE) yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi dan tidak berupaya mendapat pekerjaan tanpa mempunyai sebarang kemahiran. Penubuhan IKM ini diharapkan akan dapat memberi peluang kepada belia Bumiputera

⁷ Prospektus Institut Kemahiran MARA, hlm. 2.

mengikuti latihan kemahiran sebagai persediaan untuk menghadapi masa depan yang lebih cerah.

Melalui rancangan latihan IKM ini juga, adalah diharapkan para beliau akan melengkapkan diri mereka dengan ilmu kemahiran dan disiplin agar mereka dapat berdikari dan bersedia menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan selain dari bekerja dengan syarikat-syarikat swasta ataupun badan-badan kerajaan.⁸ Penubuhan IKM ini juga menunjukkan usaha MARA secara tidak langsung dapat memperbaiki taraf hidup kaum Bumiputera apabila belia yang dilatih di IKM ini menggunakan kemahiran masing-masing dengan baik dan berfaedah.

Sejarah Dan Latarbelakang IKM

MARA menubuhkan IKM dengan tujuan utama untuk melatih para belia Bumiputera dalam berbagai bidang kemahiran dan seterusnya mengeluarkan tenaga pekerja mahir untuk mengisi keperluan negara. Untuk mencapai hasrat ini, MARA telah menubuhkan IKM yang pertama di Melaka pada November 1968. Oleh kerana kejayaan pelajar IKM Melaka, MARA telah menubuhkan beberapa IKM lagi bagi melatih belia Bumiputera dalam berbagai bidang kemahiran. Sehingga 1990, terdapat 9 buah IKM di seluruh negara. 9 buah IKM tersebut ialah IKM Sungai Petani, IKM Alor Setar, IKM Kuala Lumpur, IKM Johor Bahru, IKM Jahitan Petaling Jaya, IKM Pekan, IKM Lumut dan IKM Perdagangan.

⁸ *Prospektus Institut Kemahiran MARA*, hlm. 3.

IKM Melaka

IKM Melaka terletak di Jalan Hang Tuah, Melaka. Institut ini dimulakan pada November 1968 dengan pengambilan pelatih perintis seramai 80 orang. Kumpulan pertama ini mengikuti kursus kajisawat motor.⁹ (lihat Foto 4 : IKM Melaka)

Foto 4 : IKM Melaka



⁹ Pembinaan IKM Melaka dimulakan pada tahun 1967. Tujuannya ialah untuk menambah bilangan Bumiputera yang terlatih dalam bidang kemahiran. Sebelum ini pelatih Bumiputera ditempatkan di kilang, bengkel perniagaan dan perusahaan yang sanggup melatih Bumiputera. Dengan adanya IKM Melaka, belia Bumiputera dapatlah dilatih secara formal di sekolah latihan MARA. Lihat, *Penyata Tahunan MARA 1867*, hlm. 4.

IKM Sungai Petani

IKM ini terletak di Lebuh Raya, Sungai Petani, Kedah. Dari segi sejarah, IKM ini telah dipindahkan dari Alor Setar pada 1 Ogos 1973 kerana kerajaan negeri telah menguntukkan kawasan yang lebih luas di Sungai Petani. Kawasan yang luas ini akan memudahkan pembesaran institut ini nanti. Tempat asalnya di Alor Setar telah dijadikan sebagai pusat latihan jangka pendek (3-12 bulan sahaja).

IKM Alor Setar

IKM Alor Setar terletak di Lorong Terus, Jalan Kota Tengah, Alor Setar, Kedah. IKM ini berasal dari sekolah pertukangan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Kedah. Sekolah ini diambilalih oleh MARA pada Februari 1960 dan diberi nama IKM Alor Setar.

IKM Kuala Lumpur

IKM ini terletak di Jalan Belangkas, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Pada mulanya institut ini didirikan di Petaling Jaya pada tahun 1969 dan telah dipindahkan ke tempat sekarang pada bulan Ogos 1973.

IKM Johor Bahru

IKM ini terletak di Jalan Teruku, off Jalan Datin Halimah, Johor Bahru. Institut ini merupakan satu projek usahasama MARA dengan kerajaan negeri Johor. IKM ini ditubuhkan pada tahun 1973.

IKM Jahitan, Petaling Jaya

IKM Jahitan telah ditubuhkan pada tahun 1968 di Gong Kapas, Kuala Terengganu. Pada masa itu, institut ini dikenali dengan nama Pusat Latihan Jahitan. Pada bulan Oktober 1972, institut ini telah dipindahkan ke Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor.

IKM Pekan

IKM ini terletak di kawasan perindustrian Peramu, Pekan, Pahang. IKM ini telah mengambil pelajar pertama dalam kursus perkilangan papan pada bulan Oktober 1976. IKM ini juga menerima bantuan peralatan dan kepakaran dari kerajaan New Zealand berjumlah RM 2.75 juta.

IKM Lumut

IKM Lumut letaknya di Jalan Datuk Sri Kamaruddin, Lumut Perak. Ia dibina pada tahun 1974 dan telah siap sepenuhnya pada tahun 1978. IKM ini mengambil pelajar pertama pada bulan Januari 1977.


IKM Perdagangan

Berlainan dari IKM yang lain, IKM perdagangan ditubuhkan dengan tujuan untuk memperbanyak lagi tenaga kerja mahir, khususnya di dalam sektor perkeranian perdagangan di sektor-sektor swasta. IKM ini menumpukan perhatian kepada kursus perakaunan. Buat permulaan, IKM ini ditempatkan di Bangunan Sing Hoe, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Pengambilan pertama pelajar dibuat pada bulan Ogos 1977.

Pentadbiran IKM

Pentadbiran IKM terbahagi kepada dua bahagian iaitu di Ibu Pejabat dan diperingkat institut. Di peringkat Ibu Pejabat, pentadbiran IKM terletak di bawah cawangan latihan kemahiran yang diketuai oleh seorang Pengarah (A9) dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah (A10). Kedua-dua pegawai kanan iaitu Pengarah dan


Rajah 6
Carta Organisasi Bahagian Kemahiran (1987)



Sumber: Unit Perhubungan Korporat MARA

Rajah 7

Carta Organisasi IKM (1987)



Sumber: Unit Perhubungan Korporat MARA

Timbalan Pengarah pula dibantu oleh 4 bahagian lain iaitu Bahagian Kurikulum dan Perkembangan, Bahagian Perancangan dan Penilaian, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan Bahagian Tenaga Pengajar dan Pelatih. Setiap bahagian ini diketuai oleh seorang pegawai dari kategori A12 dan A22. Rajah 6 menunjukkan struktur pentadbiran bahagian kemahiran di peringkat pusat.

Rajah 7 pula menunjukkan pentadbiran bahagian kemahiran di peringkat institut. Merujuk kepada pentadbiran di peringkat institut (rajah 7), IKM dikendalikan oleh seseorang Pengetua (A10/A12) dan dibantu oleh Penolong Pengetua (A18/A22). Hal-hal yang bersangkutan dengan pentadbiran dan kewangan pula diurus oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir (B04/B11). Untuk melicinkan perjalanan latihan di IKM, Pengetua dan Penolong Pengetua dibantu oleh 4 bahagian utama iaitu bahagian pentadbiran, bahagian bimbingan pelajar, bahagian akademik dan bahagian pengurusan kilang.

Peraturan Masuk

Pengambilan pelatih untuk memasuki IKM dua kali setahun. Pengambilan pertama pada bulan Januari dan pengambilan kedua pada bulan Julai tiap-tiap tahun. Calon-calon yang diterima mengikuti kursus di IKM hendaklah memenuhi syarat dan melalui proses tertentu. Syarat yang diperlukan ialah:

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur di antara 17-25 tahun pada tarikh mula mengikuti kursus

- (c) Belum berkahwin
- (d) Kelulusan seperti berikut:
 - (i) Untuk mengikuti kursus perdagangan, calon-calon hendaklah mempunyai SPM atau MCE dengan mendapat kelulusan dalam Ilmu Hisab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.
 - (ii) Bagi mengikuti kursus-kursus Lukisan Senibina, Lukisan Rangkabina dan Lukisan Jentera, Kajisawat Radio dan Televisyen dan Kursus Menyadur Logam, kelulusan minima ialah sekurang-kurangnya sijil SPM atau MCE.
 - (iii) Untuk lain-lain kursus, calon-calon hendaklah lulus sekurang-kurangnya SRP atau LCE.

Selain syarat di atas, calon-calon yang memohon disyaratkan mengambil ujian dan menghadiri temuduga kecuali calon-calon yang memohon kursus perdagangan. Ujian dikendalikan untuk menguji kecerdasan otak, *space relations* dan Ilmu Hisab (*matrices*) calon-calon. Calon-calon yang berjaya di dalam ujian (di mana markah lulus akan ditentukan oleh jawatankuasa pemilihan) dikehendaki pula menghadiri temuduga. Temuduga untuk pengambilan bulan Januari diadakan pada bulan Oktober tahun sebelumnya, sementara temuduga untuk bulan Julai diadakan pada bulan Mei pada tahun yang sama.

Pemilihan akhir dibuat mengikut sistem keutamaan markah yang berdasarkan kepada keputusan ujian bertulis (60%) dan temuduga (40%). Temuduga ini

menitikberatkan kecenderungan calon dalam kerja-kerja buruh dan kedudukan latar belakang pemohon, termasuk pendapatan dan tanggungan penjaga. Sistem ini adalah selaras dengan matlamat MARA untuk memberi keutamaan kepada calon-calon yang kurang berada terutamanya calon-calon dari luar bandar.

Kurikulum IKM


Kursus-kursus kemahiran yang dijalankan adalah bersifat kemahiran untuk kegunaan semasa kepada para pelatihnya. Justeru itu, IKM menyediakan kemudahan-kemudahan untuk melatih tenaga mahir dan separa mahir di dalam berbagai bidang teknikal ke arah memenuhi keperluan negara serta meningkatkan lagi penyertaan dalam pekerjaan yang memerlukan kemahiran. Di samping itu kurikulum yang disediakan dapat membantu ke arah mewujudkan bakal-bakal usahawan, selaras dengan perkembangan semasa perindustrian negara. Setiap IKM menyediakan kursus yang berbeza di antara satu sama lain selaras dengan kehendak setempat. .

Peperiksaan dan Penilaian

Dalam masa dua tahun, pelatih-pelatih IKM yang mengikuti kursus di IKM dikehendaki menduduki ujian tertentu untuk menilai kebolehan mereka dalam bidang-bidang yang mereka ikuti. Ujian-ujian yang diadakan seperti ujian bulanan, peperiksaan Lembaga Latihan Perindustrian dan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK), peperiksaan IKM, peperiksaan Persatuan Akitek Malaysia (P.A.M Part 1), peperiksaan *Wireman* dan

peperiksaan *London Chamber of Commerce* (LCCI). Peperiksaan yang diambil oleh pelatih berdasarkan kursus kemahiran yang mereka ikuti.

Foto 5 : Seorang Pelatih IKM Menjalani Latihan.



Ujian bulanan dijalankan oleh semua IKM untuk meninjau kemampuan pelatih-pelatih memahami dan mengikuti latihan yang telah diberi pada bulan sebelumnya. Setelah setahun mengikuti latihan di IKM, pelatih dikehendaki mengambil peperiksaan LLPPKK asas di dalam bidang ketukangan yang mereka ikuti. Selepas dua tahun mengikuti latihan di IKM, pelatih dikehendaki mengambil peperiksaan LLPPKK pertengahan. Peperiksaan IKM pula diadakan di akhir latihan untuk menentukan gred-gred sijil IKM yang dikeluarkan kepada setiap pelatih yang tamat latihan. Bagi pelatih-pelatih yang mengambil kursus Lukisan Senibina, Lukisan Rangkabina dan Lukisan Jentera, mereka dikehendaki mengambil peperiksaan P.A.M Part I yang dianjurkan oleh Persatuan Arkitek Malaysia. Untuk pelatih-pelatih yang mengikuti kursus Kajisawat Letrik, mereka

dikehendaki mengambil peperiksaan *Wireman* anjuran Lembaga Letrik Negara untuk membolehkan mereka mendapat sijil *Wireman*. Pelatih-pelatih IKM perdagangan pula dimestikan menduduki peperiksaan *London Chamber of Commerce* (LCCI) peringkat pertengahan (*intermediate stage*) di akhir tahun pertama dan peperiksaan peringkat *Higher Group Diploma LCC* di akhir tahun kedua.

Perkembangan Bahagian Latihan Kemahiran

Pada tahun 1967, satu gerakan mendaftar beramai-ramai belia Bumiputera yang perlukan latihan kemahiran telah dijalankan. Pendaftaran ini dijalankan di seluruh negara dengan tujuan untuk mengetahui bilangan Bumiputera yang memerlukan latihan dan bilangan mereka yang cenderung ke satu-satu bidang latihan.¹⁰ Dengan adanya pendaftaran ini, MARA dengan secara langsung dapat memainkan peranan memberi latihan kepada masyarakat Bumiputera yang memerlukan latihan. Pada tahun 1967 juga, seramai 1,425 pelatih telah mendapat latihan kemahiran anjuran MARA berbanding dengan seramai 105 pelatih pada tahun 1966.¹¹ Jenis-jenis latihan yang diterima ialah sebagaimana dalam jadual 25.

¹⁰ *Penyata Tahunan MARA 1967*, hlm. 4.

¹¹ *Ibid.*

Jadual 25
Latihan Kemahiran Jentera
Anjuran MARA Pada Tahun 1966 dan 1967

Bil.	Jenis Latihan	1966	1967	Jumlah
1.	Tukang Besi	5	-	5
2.	Penggegas	-	10	10
3.	Penggegas/Pemutar	3	4	6
4.	Pemutar Mesin	-	6	6
5.	Jurusawat Jentera	-	6	6
6.	Jurusawat Jentera Berat	-	8	8
7.	Pembuat Barang dari Besi Tipis/Bijih Timah	-	1	1
8.	Pengimpal	10	39	49
9.	Pembuat Barang Perak	-	1	1
10.	Kaji Sawat Jentera	-	1	1
11.	<i>Draughtsmanship</i>	-	-	-
12.	Boilermaker	-	2	2
13.	Millwright	-	2	2
	Jumlah	17	76	93

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1976, hlm. 5.

Berdasarkan jadual 25, MARA memainkan peranan yang utama dalam melatih belia-belia Bumiputera dalam bidang kemahiran. Pada tahun 1966, hanya 17 pelatih sahaja yang dilatih dalam bidang jentera dan pada tahun 1967, jumlahnya meningkat kepada 76 orang.

Melihat kepada peningkatan jumlah kenderaan bermotor dalam negara, maka MARA telah mengadakan kursus kajisawat motor sebagai salah satu peluang pekerjaan kepada belia-belia Bumiputera. Justeru itu, jadual 26 menunjukkan jumlah pelatih Bumiputera yang terlibat dengan kursus kemahiran dalam bidang membaiki motor.

Jadual 26
 Latihan Kemahiran Kajisawat Motor Anjuran MARA
 Pada Tahun 1966 dan 1967

Bil.	Jenis Latihan	1966	1967	Jumlah
1.	Kajisawat Motor	5	175	180
2.	Kajisawat Kereta Diesel	-	20	20
3.	Tukang Cat	-	3	3
4.	Pekerja Motor <i>Assembly</i>	-	16	16
	Jumlah	5	214	219

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1967, hlm. 11.

Berdasarkan jadual 26, pada awal penubuhan MARA, hanya 5 pelatih sahaja yang dilatih oleh MARA dalam kursus kajisawat motor, tetapi jumlah pelatih telah meningkat kepada 219 orang pada tahun 1967. Peningkatan ini disebabkan oleh usaha MARA yang berjaya menyakinkan belia-belia Bumiputera bahawa industri kajisawat motor mempunyai peluang pekerjaan yang meluas di masa depan.

Untuk melahir masyarakat industri dan perdagangan adalah sesuatu yang sukar pada zaman awal penubuhan MARA. Ini kerana masyarakat Bumiputera hanya mahir dalam kerja-kerja di sektor kehidupannya. Justeru itu, MARA telah menganjurkan pelbagai kursus kemahiran dalam bidang industri. Selain kursus jentera dan kajisawat motor, MARA juga membuka peluang kursus kemahiran penyeliaan bangunan. Jadual 27 menunjukkan kursus yang ditawarkan oleh MARA dalam bidang penyeliaan bangunan.

Jadual 27
Latihan Kemahiran Penyeliaan Bangunan Anjuran MARA
Pada Tahun 1966 dan 1967

Bil.	Jenis Latihan	1966	1967	Jumlah
1.	Tukang Membuat Paip	-	2	2
2.	Tukang Membuat Simen	7	13	20
3.	Tukang Kayu	3	2	5
4.	Tukang Membuat Perkakas Rumah/Penulis Papan Tanda	-	5	5
5.	Tukang Membuat Perahu	4	12	16
6.	Kontraktor	20	325	345
7.	<i>Draughtmanship</i>	-	7	7
	Jumlah	34	366	400

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1967, hlm. 12.

Merujuk kepada jadual 27, pada tahun 1966, MARA hanya berjaya melatih 34 beliau Bumiputera dalam kursus penyeliaan bangunan. Bagaimanapun jumlah pelatih dalam bidang ini telah bertambah dengan mendadak pada tahun 1967. Pada tahun 1967, jumlah pelatih yang mengikuti kursus ini ialah berjumlah 366 iaitu pertambahan sebanyak 332 pelatih berbanding dengan tahun sebelumnya. Peningkatan yang amat besar ini menandakan wujud kesedaran di kalangan belia-belia Bumiputera betapa perlunya masyarakat Bumiputera terlibat dalam sektor pembinaan. Tambahan pula sektor ini memberi jaminan yang lebih baik berbanding dengan sektor pertanian tradisi mereka seperti bersawah dan bertani. Peningkatan besar ini juga adalah hasil usaha MARA sendiri yang mengadakan sessi pendaftaran beramai-ramai belia-belia yang memerlukan kemahiran pada tahun sebelumnya.

Di awal penubuhan MARA juga menganjurkan kursus mengurus perusahaan. Kursus ini diharapkan dapat melahirkan anak-anak Bumiputera yang arif dan bijak mengurus perusahaan. Jadual 28 menunjukkan sumbangan dan peranan MARA dalam melatih anak-anak Bumiputera dalam mengurus perusahaan.

Jadual 28
Latihan Kemahiran Mengurus Perusahaan Anjuran MARA
Pada Tahun 1966 dan 1967

Bil.	Jenis Latihan	1966	1967	Jumlah
1.	Perusahaan Getah/Kelapa Sawit	6	22	28
2.	Pengurus Perusahaan Pengangkutan	5	-	5
3.	Pengurus Perniagaan Kecil	4	394	398
4.	Pengurus Kayu Balak	3	22	35
5.	<i>Salesmanship</i>	-	2	2
6.	Pengurus Stor	-	1	1
7.	Perusahaan Bijih	-	1	1
8.	Mengenal Kayu	-	9	9
	Jumlah	18	451	469

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1967, hlm. 12.

Jadual 28 menunjukkan belia Bumiputera yang terlibat dalam kursus kemahiran pengurusan perusahaan. Pada tahun 1966, seramai 10 orang pealtih sahaja yang dilantik oleh MARA dalam bidang pengurusan perusahaan. Jumlah pelatih telah meningkat kepada 451 orang tahun 1967. Peningkatan ini amat membanggakan MARA kerana belia Bumiputera mulai berminat dalam pengurusan perusahaan terutama dalam kursus mengendalikan perniagaan kecil. Pada tahun 1966, seramai 4 pelatih sahaja yang mengikuti kursus mengurus perniagaan kecil. Pada tahun 1967, jumlah pelatih yang mengikuti kursus tersebut telah meningkat dengan banyaknya iaitu seramai 394.

Peningkatan ini sebagai petanda penglibatan kaum Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Juga bertambah kesedaran tentang kepentingan bidang ini.

Pada tahun 1968, MARA meneruskan usaha melatih Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Untuk tahun 1968, MARA berjaya memberi kursus kepada 1,080¹² orang Bumiputera dalam berbagai rancangan latihan, termasuk kursus menyimpan kira-kira perniagaan, latihan pemborong, latihan pengurusan dan latihan kemahiran jentera. Selain itu MARA juga menempa kejayaan pada tahun 1968, di mana berjaya membuka dua buah sekolah latihan, iaitu sekolah latihan kemahiran MARA, Melaka pada November 1968¹³ dan sekolah latihan kemahiran Kuala Terengganu pada September 1968.¹⁴ Di sekolah latihan kemahiran Melaka, MARA menawarkan kursus kajisawat motor dan sekolah latihan Kuala Terengganu, MARA melatih anak-anak Bumiputera dalam bidang jahitan.

Di samping mengadakan latihan dalam negeri, MARA juga menghantar pelatih-pelatihnya keluar negara. Dalam bulan Julai dan Ogos 1968, seramai 109 orang pelatih telah dihantar ke India atas tawaran kerajaan India.¹⁵ MARA juga menghantar pelatihnya seramai 5 orang ke negeri Jepun untuk mengikuti kursus pembuatan seramik dan 2 orang untuk mengikuti kursus perusahaan buluh. Negara Jerman juga menawarkan beberapa

¹² *Penyata Tahunan MARA 1968*, hlm. 24.

¹³ *Ibid.*, hlm. 26.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 26.

¹⁵ *Ibid.*, hlm. 28.

biasiswa untuk mengikuti kursus juru tunjuk teknik. Oleh itu, MARA telah menghantar 18 orang mengikuti latihan juru teknik ke negara Jerman.¹⁶

Pada tahun 1969, MARA telah mengkaji, menilai dan mengemaskinikan rancangan latihan kemahiran. Tujuannya supaya lepasan latihan MARA diterima bekerja di syarikat swasta atau bagi yang ingin menjalankan perniagaan, mereka dapat bersaing dengan pesaing-pesaingnya dengan cekap. Lantaran itu, pada tahun 1969, MARA mengurangkan pengambilan pelatih. Jumlah pelatih yang dilatih pada tahun 1969 ialah seramai 686 sahaja. Daripada 686 itu, 419 pelatih adalah baki yang dibawa dari tahun 1968. Sementara itu pengambilan baru untuk tahun 1969 ialah seramai 267 sahaja dalam pelbagai bidang latihan.

Hasil kajian MARA, latihan sambil kerja bagi peserta latihan adalah tidak memuaskan. Sehubungan dengan itu, MARA telah menghentikan latihan sambil bekerja dan digantikan dengan latihan sepenuh masa di sekolah latihan MARA. Latihan sambil bekerja hanya dikhaskan sebagai latihan tambahan untuk pelatih sekolah latihan MARA. Sementara itu latihan di seberang laut, latihan di Jepun melalui OISCA dan di India melalui Rancangan Colombo ditangguhkan buat sementara kerana masalah pencapaian calon, mutu dan jenis latihan. Pengarah Bahagian Latihan dan Ketua Pegawai Latihan Kemahiran telah melawat pelatih-pelatih MARA di India iaitu di *Central Training Institute* dan *Industrial Training Institute* di Bombay, Calcutta, New Delhi dan Madras, India mendapati kursus di India adalah sesuai di peringkat latihan lanjutan dan latihan juru teknik dalam bidang *general mechanical trades, electrical trades, mechanical* dan

¹⁶ *Penyata Tahunan MARA 1968*, hlm. 24.

civil draughtmanship dan perusahaan tangan. Latihan di Jepun melalui OISCA juga ditangguhkan kerana sistem pentadbiran yang tidak teratur dan bukan disebabkan oleh kualiti latihan.

Di samping mengkaji kualiti kursus, tahun 1969 juga memberi peluang kepada MARA mengkaji peringkat dan jangkamasa kursus. Ini kerana kebanyakan pelatih MARA telah diambil bekerja, sedangkan mereka belum tamat lagi latihan. Buktinya Syarikat *Champion Motors* dan *Associates Motor Industries* telah mengambil pelatih MARA untuk bekerja di syarikatnya.¹⁷ Ini bermakna sektor perusahaan dan perdagangan bukan sahaja memerlukan buruh mahir malah mereka juga memerlukan buruh separa mahir yang mendapat latihan pengkhususan dalam bidang kerjaya yang berkaitan. Oleh itu sukanan dan jangkamasa kursus di sekolah latihan MARA perlu semula dan disesuaikan dengan keperluan masa.

Pada tahun 1970, MARA telah mengambil seramai 718 pelatih baru iaitu 702 pelatih berkursus di dalam negeri dan bakinya seramai 36 berkursus di luar negara. Jumlah kesemua pelatih MARA pada tahun 1970 ialah 1004¹⁸ orang termasuk 738 pelatih baru dan 266 pelatih sedia ada. Jadual 29 menunjukkan pecahan kursus untuk pelatih baru di dalam negeri.

¹⁷ *Penyata Tahunan MARA 1969*, hlm. 35.

¹⁸ *Penyata Tahunan MARA 1970*, hlm. 82.

Jadual 29
Pecahan Latihan Mengikut Kursus Anjuran MARA
Pada Tahun 1970 (Pelatih baru dalam negeri)

Bil.	Jenis Latihan	Jumlah
1.	Motor Mekanik	335
2.	Hotel dan Catering	20
3.	Elektrik	49
4.	Radio dan Televisyen	36
5.	Perabot	13
6.	<i>Draughtmanship (Civil)</i>	37
7.	Jahitan	44
8.	Binaan Bangunan	28
9.	Cetak Meneetak	6
10.	<i>Fiter</i>	4
11.	Mencelup Tayar	14
12.	Jurusawat Jentera Berat	2
13.	Jurusawat Am	3
14.	Diesel Mekanik	2
15.	<i>Overhead Linesman</i>	2
16.	Elektrikal Wireman	1
17.	Elektrikal Fitting	2
18.	Memeringkat Kayu	47
19.	Tukang Cat	5
20.	Pelatih Stor	4
21.	Pelatih Kenderaan	5
22.	Kerinting Rambut	2
23.	Pertukangan Kayu	13
24.	<i>Machine Turner</i>	2
25.	<i>Welder</i>	2
26.	<i>Air Conditioning</i>	1
27.	Pererap	10
28.	Pembuat Blok	1
29.	Pembancuh Ubat	1
30.	<i>Mechanical Draughtmanship</i>	2
31.	Heavy Mechanery Plant	3
	Jumlah	702

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1970, hlm. 74.

Berdasarkan jadual 29, sebanyak 31 jenis kursus dikendalikan oleh Bahagian Latihan Kemahiran MARA untuk membantu masyarakat Bumiputera lahir sebagai pekerja separa mahir dalam berbagai bidang perusahaan dan perdagangan. Selaras dengan matlamat ini, jenis-jenis kursus yang dianjurkan oleh MARA dalam jadual 29 adalah jenis kursus pada peringkat asas, iaitu dengan tujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang separa mahir. Untuk memberi lebih pengalaman kepada pelatih-pelatihnya, maka MARA telah menghantar pelatihnya berlatih di beberapa syarikat yang berkaitan dengan bidang kursus anjurannya.¹⁹ Di samping menganjurkan latihan kemahiran, MARA juga berperanan mendapatkan pekerjaan kepada lulusannya. Pada tahun 1970, MARA berjaya menempatkan 141 orang lulusannya bekerja di pelbagai syarikat dan badan berkanun kerajaan.²⁰ Kejayaan ini menunjukkan bahawa latihan yang diberikan oleh MARA adalah selaras dan bersesuaian dengan keperluan tenaga manusia.

¹⁹ Nama-nama syarikat dan perbadanan yang memberi kemudahan latihan kepada pelatih MARA pada tahun 1970 ialah; Syarikat di Selangor terdiri daripada Tyre Autoways Retreading, Majlis Bandaran Kuala Lumpur, Pan Malayan Cement, Y. Wong Sehu & Rakan, Dr. H. C. Huang, Syarikat Yuen, Champion Motor, Ganendra Ahmad & Associated, E.H. Minjoodt, Horeeaf, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Telekom, Kumpulan Arkitek, Lembaga Pelabuhan Swettenham, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, R. Crooks, Mitchel & Peacock, Universal Car, Syarikat Kenderaan Sri Jaya, Workshop MARA Dato' Keramat dan Associated Motors. Lain-lain syarikat yang terlibat ialah Thai Cheong Furniture di Negeri Sembilan, Kelantan di Kelantan, Syarikat EMMCO dan Limbungan MARA Kuala Terengganu, Terengganu dan di Pulau Pinang pula ialah Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang, Dewan Bandaraya Pulau Pinang, Detrick & David Chartered Arch dan Kinlock & Co. Pulau Pinang. Di Perak ialah Syarikat Champion Motor, manakala di Kedah pula ialah Syarikat Champion Motor Alor Star dan Workshop Kenderaan Bas MARA Kedah di Melaka ialah Jabatan Kerja Kerja Raya Melaka. Lihat *Penyata Tahunan MARA 1970*, hlm. 90.

²⁰ *Penyata Tahunan MARA 1970*, hlm. 90.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, MARA merancang untuk melatih 10,801 pekerja mahir dalam semua peringkat kemahiran melalui institut-institut yang ada dan akan dibina,²¹ latihan sambil bekerja di bengkel-bengkel kerajaan, perbadanan dan pihak-pihak swasta serta juga latihan di luar negara samada dengan bantuan MARA atau kerajaan asing. Pada taun 1971, MARA memberi latihan kepada 669²² orang melalui program latihan kemahiran. Melalui Institut Kemahiran MARA, MARA berjaya memberi latihan kepada 188 peserta Bumiputera. Latihan sambil bekerja pula melibatkan seramai 458 dan latihan di seberang laut melibatkan seramai 23 pelatih Bumiputera.²³

MARA meneruskan usahanya pada tahun 1972 dengan menambah sebanyak 58.0% daripada jumlah pelatih berbanding dengan tahun 1971. Pada tahun 1971, latihan sambil bekerja ialah seramai 458 dan bertambah kepada 597 pelatih iaitu tambahan pengambilan sebanyak 139 orang (30.3%). Latihan di luar negara pula ialah 25 orang pada tahun 1971 dan bertambah kepada 75 orang pada tahun 1972, iaitu tambahan sebanyak 50 orang (20%). Manakala latihan di Institut Kemahiran MARA pada tahun 1971 ialah 188 pelatih dan bertambah kepada 388 iaitu tambahan sebanyak 106.4%. Jumlah keseluruhan pelatih MARA pada tahun 1971 ialah 671 dan bertambah kepada 1060 pada tahun 1972 iaitu tambahan sebanyak 389 pelatih atau 58.0%. Jadual 30 menunjukkan aktiviti cawangan latihan kemahiran dan jumlah pelatih dalam berbagai latihan pada tahun 1971 dan 1972.

²¹ MARA merancang untuk membina Institut Kemahiran MARA, Kuala Lumpur dan Institut Kemahiran MARA Sungai Petani. Kedua-dua projek ini akan dilaksanakan pada petengahan tahun 1972.

²² *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 6.

²³ *Ibid.*, hlm. 6.

Jadual 30
Latihan Kemahiran Anjuran MARA 1971 dan 1972

Jenis Latihan	1971	1972	Tambahan	Peratus
Latihan Sambil Kerja	458	597	139	30.3%
Latihan Luar Negara	25	75	50	200%
Latihan Di Sekolah	188	388	200	106.4%
Latihan				
Jumlah	671	1,060	389	48.0%

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1972

Untuk menambah bilangan Bumiputera dalam bidang kemahiran, MARA telah menambah pusat latihannya. Antara pusat latihan yang dibina ialah Institut Kemahiran Kuala Lumpur, Institut Kemahiran Sungai Petani, Institut Kemahiran Melaka (tambahan) dan Institut Kemahiran Johor Bahru. Jadual 31 menunjukkan pembinaan Institut-Institut Kemahiran MARA dalam RMK2.

Jadual 31
Pembinaan IKM Dalam RMK 2

Institut	Dirancang	Dibina	Jangkaan Siap	Pengambilan
Kuala Lumpur	Jun 1971	Oktober 1972	Ogos 1973	September 1973
Sungai Petani	Jun 1971	Oktober 1972	Ogos 1973	September 1973
Melaka	April 1971	Ogos 1972	Mei 1973	Jun 1973
Johor Bahru	Julai 1972	Januari 1972	Februari 1974	Mac 1974

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1977

Berdasarkan jadual 31 IKM Kuala Lumpur dirancang pada Jun 1971; dibina pada Oktober 1972 dan siap pada Jun 1973. Seterusnya mengambil pelajar pertama pada September 1973. IKM Sungai Petani dirancang pada Jun 1971 dibina pada Oktober 1972; siap pada Ogos 1973 dan pengambilan pelajar pertama pada September 1973. IKM

Melaka dirancang pada April 1971; dibina pada Oktober 1972; siap pada Mei 1973 dan pengambilan pelajar pertama pada Jun 1973. IKM Johor Bahru dirancang pada Julai 1972; dibina pada Januari 1972; siap pada Februari 1974 dan pengambilan pelajar pertama pada Mac 1974.

Oleh kerana adanya pengembangan Institut Kemahiran MARA, maka pihak Institut memerlukan jurutunjuk yang terlatih di Institut yang baru dibuka. Sehubungan dengan itu, MARA telah menghantar 29 jurutunjuk ke Jerman Barat dan Institut Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur. Pada tahun 1973, MARA menghantar 10 lagi jurutunjuk ke Jerman Barat dan 36 orang jurutunjuk ke United Kingdom.

Cawangan latihan dan kemahiran menumpukan kegiatannya khas kepada belia-belia. Mereka yang berkelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran diberi latihan melalui dua program iaitu latihan menerusi Institut Kemahiran MARA dan latihan sambil kerja. Pada tahun 1973, seramai 433²⁴ orang pelatih diambil berkursus di Institut Kemahiran MARA. IKM Sungai Peani membuat pengambilan terbesar iaitu 178 orang dan diikuti oleh IKM Melaka, seramai 167 orang IKM Petaling Jaya, 53 orang dan IKM Johor Bahru seramai 35 orang.

²⁴ *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 16.

Pelatih yang diambil di bawah program latihan sambil kerja pula pada tahun 1973 seramai 601.²⁵ Dari jumlah itu, seramai 156 orang pelatih mengikuti latihan jangka pendek iaitu selama lebih kurang enam bulan samada di Institut Kemahiran MARA sendiri ataupun di syarikat-syarikat swasta. Untuk memantapkan lagi bahagian latihan, MARA telah menghantar seramai 52²⁶ orang jurutunjuk untuk mengikuti kursus di dalam dan di luar negara. Daripada jumlah itu, 14 orang mengikuti kursus di Institut Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur. 8 orang mengikuti latihan di Jerman dan 30 orang mengikuti latihan di United Kingdom.²⁷

Jadual 32 menunjukkan jenis kursus yang diambil pelatih jurutunjuk pada tahun 1973. Jumlah pelatih yang diambil pada tahun 1973 dalam semua jenis latihan kemahiran ialah 1,086 orang iaitu 26 orang lebih daripada pengambilan tahun 1972. Sejak cawangan latihan ditubuhkan pada tahun 1966, seramai 7,167²⁸ pelatih telah diberi latihan dalam pelbagai bidang latihan. Di samping itu, pada tahun 1973, seramai 661 orang pelatih menamatkan kursus masing-masing. Daripada jumlah itu, 194 orang telah tamat di Institut Kemahiran MARA, 396 orang tamat kursus latihan sambil belajar dan 71

²⁵ *Ibid.*, hlm. 17.

²⁶ *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 18.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 18.

²⁸ *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 18.

Jadual 32
Latihan Jurutunjuk Di Luar dan Dalam Negara
Pada tahun 1973

Negeri	Jenis Latihan	Pengambilan
United Kingdom	Kimpalan	2
	Radi/TV	3
	Jurusawat Letrik	5
	Jurusawat Letrik Motor	1
	Bangunan	6
	Lukisan Jentera	1
	Lukisan Senibina dan Rangkabina	2
	Jurusawat Jentera Berat	4
	<i>Saw Doctoring</i>	2
	Jahitan	4
	Jumlah	30
Jerman Barat	Jurusawat Am	1
	<i>Tool Making</i>	2
	Jurusawat Letrik Motor	1
	Teknologi Plastik	3
	Jumlah	8
Institut Latihan Perusahaan Malaysia	Kajisawat Motor	1
	Kimpalan	1
	<i>Air Conditioning</i>	1
	Jurusawat Letrik Motor	1
	<i>Domestik/Industrial Writing</i>	2
	<i>Industrial Electronic</i>	1
	Jurusawat Letrik	1
	Radio/TV	4
	<i>Mechanical Draughtmanship</i>	2
	Jumlah	14
	Jumlah Besar	52

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1973, hlm. 8.

orang tamat kursus jurutunjuk. Daripada jumlah pelatih-pelatih yang tamat ini, cawangan penempatan kerja MARA mendapati 605 orang atau 91.5% mendapat pekerjaan.²⁹ Manakala bakinya, terdiri daripada kumpulan yang belum bekerja tetap atau sudah bekerja tetapi masih belum berhubung dengan cawangan penempatan.

Sehingga akhir tahun 1974, 6 buah IKM telah beroperasi, IKM Alor Setar, IKM Sungai Petani, IKM Melaka, IKM Petaling Jaya, IKM Kuala Lumpur dan IKM Johor Bahru. Jumlah penuntut seramai 751 orang yang mengambil kursus dalam pelbagai bidang. Bilangan pelatih ini bertambah sebanyak 162 orang berbanding dengan tahun 1973 yang berjumlah 589. Jadual 33 menunjukkan pengambilan pelajar IKM tahun 1973 dan 1974 mengikut institut yang beroperasi.

Jadual 33
Pengambilan Pelajar IKM Tahun 1973 dan 1974

Institut Kemahiran Mara	1973	1974
Alor Setar	156	120
Sungai Petani	178	149
Melaka	167	130
Petaling Jaya	53	70
Kuala Lumpur	-	236
Johor Bahru	35	46
Jumlah	589	751

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1974, hlm. 19.

Berdasarkan jadual 33, semua pengambilan pelajar IKM meningkat kecuali IKM Sungai Petani dan IKM Melaka, IKM Kuala Lumpur mengambil pelajar pertama sebanyak 235

²⁹ Ibid.

orang. Pengambilan pelajar IKM Petaling Jaya meningkat dari 53 orang pada tahun 1973 ke 70 orang pada tahun 1974. Begitu juga dengan IKM Johor Bahru, dari 35 orang pada tahun 1973 ke 46 orang pada tahun 1974. IKM Alor Setar merosot dari 156 pelajar pada tahun 1973 ke 120 orang pada tahun 1974. IKM Sungai Petani merosot dari 178 orang pada tahun 1973 ke 149 orang pada tahun 1974. Begitu juga IKM Melaka merosot dari 167 orang pada tahun 1973 ke 130 orang pada tahun 1974.

Pada tahun 1974, seramai 397 orang pelatih berlatih di bawah program latihan sambil kerja dan seramai 218 pelatih diambil di bawah program latihan khas. Daripada 8 pelatih tersebut, 29 orang di bawah program latihan lanjutan jurutunjuk dan mereka ini dihantar berlatih di Jerman, Jepun dan United Kingdom. Seramai 11 orang pula telah tamat latihan lanjutan dari Jerman.³⁰ Secara keseluruhannya, jumlah pelatih yang diambil oleh MARA pada tahun 1974 ialah seramai 1,336 orang. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 200 orang pelatih berbanding pada tahun 1973. Pada tahun 1973, jumlah pengambilan pelatih ialah 1,086 dan telah meningkat kepada 1,366 pada tahun 1974. Pada tahun 1974 juga, seramai 1,189 pelatih telah tamat mengikuti berbagai latihan kemahiran di IKM, latihan sambil kerja dan latihan khas. Daripada jumlah tersebut, cawangan penempatan kerja mendapati 881 orang pelatih atau 76.4% telah mendapat pekerjaan. Bakinya terdiri daripada mereka yang belum bekerja ataupun yang sudah bekerja tetapi belum berhubung dengan cawangan penempatan.³¹

³⁰ *Penyata Tahunan MARA 1974*, hlm. 19.

³¹ *Ibid.*, hlm. 20.

Pada tahun 1975, seramai 754 orang pelatih baru diambil mengikuti berbagai jenis latihan kemahiran di 6 buah Institut Kemahiran MARA yang sedia ada iaitu di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Melaka, Johor Bahru, Sungai Petani dan Alor Setar. Bagi mereka yang tidak berpeluang mengikuti kursus di Institut Kemahiran MARA, pihak MARA mencari tempat di firma-firma swasta dan bengkel-bengkel kerajaan untuk membolehkan mereka mengikuti latihan sambil belajar selama di antara 1 hingga 2 tahun. Pada tahun 1975, seramai 468 orang telah berjaya di tempatkan di firma-firma swasta bgi membolehkan mereka mengikuti latihan. Selain itu seramai 85 orang telah mengikuti kursus kelasi kapal di sekolah pelayaran di Gelugor, Pulau Pinang dan seramai 60 orang mengikuti latihan lanjutan dalam bidang jahitan yang memakan masa antara 3 hingga 4 bulan.³²

Untuk melahirkan tenaga pengajar yang cekap, pada tahun 1975 MARA telah menghantar seramai 54 orang pengajar atau jurutunjuk ke Amerika Syarikat, Britain, Jerman Barat, New Zealand dan di Institut Latihan Perindustrian (ITI) di Kuala Lumpur. Pada tahun 1975 juga, seramai 25 orang telah menamatkan latihan jurutunjuk dalam pelbagai bidang kemahiran.³³

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Bahagian Latihan Kemahiran MARA terus memainkan peranan dan sumbangan melatih Bumiputera dalam pelbagai bidang kemahiran. Sepanjang tahun 1976, seramai 1,308 orang pelatih diambil untuk mengikuti

³² *Penyata Tahunan MARA 1975*, hlm. 11.

³³ *Penyata Tahunan MARA 1975*, hlm. 11.

kursus latihan di 7 buah Institut Kemahiran MARA.³⁴ Jadual 34 menunjukkan pengambilan dan pengeluaran pelatih IKM pada tahun 1976.

Jadual 34
Bilangan Pengambilan dan Pengeluaran Pelatih IKM Bagi Tahun 1976

Institut Kemahiran MARA	Pengambilan	Pengeluaran
Melaka	268	193
Kuala Lumpur	229	193
Johor Bahru	223	49
Sungai Petani	280	182
Petaling Jaya	136	151
Alor Setar	151	142
Pekan	21	-
Jumlah	1,308	910

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1976, hlm. 11.

Berdasarkan jadual 34, dari jumlah 1,308 orang pelatih yang diambil oleh MARA, seramai 229 ditempatkan di IKM Kuala Lumpur, IKM Melaka (268), IKM Johor Bahru (223) IKM Sungai Petani (280), IKM Alor Setar (151), IKM Petaling Jaya (136) dan IKM Pekan (21). Seramai 910 orang pelatih pula telah menamatkan kursus mereka di IKM sepanjang tahun 1976.

Untuk meninggikan mutu latihan, penuntut-penuntut IKM juga dikehendaki menjalani latihan dalam loji selama tiga hingga enam bulan. Latihan-latihan ini diadakan di firma-firma dan bengkel kerajaan serta juga di syarikat swasta. Sepanjang tahun 1976, seramai 776 pelatih IKM telah menerima latihan seumpama ini.³⁵

³⁴ IKM terbaru yang diujudkan oleh MARA pada tahun 1976 ialah Institut Kemahiran MARA Pekan, Pahang.

³⁵ Laporan Tahunan MARA 1976, hlm. 12.

Sepanjang tahun 1976 juga, seramai 1,012 orang pelatih IKM telah menduduki ujian Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK). Daripada jumlah tersebut, seramai 56 orang telah lulus ujian peringkat pertengahan dan seamai 574 orang lulus pada peringkat asas.³⁶ Menerusi latihan sambil kerja pula, seramai 587 orang pelatih telah tamat latihan sambil bekerja.

Pada tahun 1978, MARA mengendalikan 8 buah Institut Kemahiran MARA dan sebuah Institut Perdagangan. Sepanjang tahun 1978, seramai 1,354 orang pelatih baru telah diambil mengikuti latihan dalam berbagai jenis latihan dan seramai 1,116 orang pelatih IKM telah menamatkan latihan mereka pada tahun 1978. Bilangan ini dapat dirujuk pada jadual 35.

Jadual 35
Bilangan Pengambilan dan Pengeluaran Pelatih IKM Tahun 1978

Institut Kemahiran MARA	Pengambilan	Pengeluaran
Melaka	246	207
Kuala Lumpur	251	239
Johor Bahru	214	179
Sungai Petani	307	258
Pekan	44	20
Alor Setar	38	78
Lumut	118	44
Petaling Jaya	113	89
Pedagangan (Kuala Lumpur)	23	2
Jumlah	1,354	1,116

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1978, hlm. 13.

³⁶ Ibid.

Pada tahun 1978 juga, MARA menganjurkan latihan sambil kerja bagi mereka yang tidak berpeluang mengikuti kursus-kursus di Institut Kemahiran MARA. Sepanjang tahun 1978, seramai 117 orang dipilih menyertai kursus sambil kerja di bengkel-bengkel kerajaan dan firma-firma swasta. Sementara itu seramai 101 pula telah menamatkan latihan mereka di bawah program ini pada tahun 1978.³⁷

MARA juga memberi peluang kepada anggota tentera yang akan bersara menjalani latihan mereka di Institut Kemahiran MARA. Pada tahun 1978, seramai 32 orang anggota tentera yang akan bersara menjalani latihan di IKM dan 3 orang lagi ditempatkan di bengkel MARA, Dato' Keramat. Seramai 26 orang anggota tentera menamatkan latihan mereka di bawah program ini pada tahun 1978.³⁸

Bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di IKM, pada tahun 1978, seramai 56 orang pelatih telah dihantar mengikuti latihan untuk menjadi guruteknik/jurutunjuk. Sementara itu, seramai 102 orang pelatih menamatkan latihan guruteknik/jurutunjuk pada tahun 1978 dan mereka ini telah dihantar berkhidmat di IKM.

IKM juga terus memberi sumbangan kepada anak-anak Bumiputera pada tahun 1979, seramai 2,353 orang penuntut baru diterima masuk mengikuti latihan kemahiran di IKM. Jumlah ini menunjukkan penambahan sebanyak 73.1% berbanding dengan tahun 1978 yang hanya berjumlah 1,354 yang diterima sebagai penuntut baru untuk mengikuti

³⁷ *Laporan Tahunan MARA 1978*, hlm. 18.

³⁸ *Laporan Tahunan MARA 1979*, hlm. 8.

latihan kemahiran di IKM. Jumlah pelajar IKM pada tahun 1979 seramai 4,952 dan pada tahun 1978 ialah seramai 2,923 orang. Ini menunjukkan penambahan sebanyak 69.4%.³⁹

Pada tahun 1980, MARA mengendalikan 8 buah Institut Kemahiran dan sebuah Institut Perdagangan yang menjalankan kira-kira 38 jenis kursus ketukangan. Kedudukan pelatih di bawah anjuran MARA dapat dilihat dalam jadual 36. Merujuk jadual 36, pelatih anjuran MARA pada tahun 1980 ialah seramai 2,354 dan pelatih tamat pada tahun yang sama ialah seramai 2,013. Daripada 2,354 pelatih baru yang diambil, seramai 2,096 atau 89.03% adalah pelatih IKM dan daripada 2,013 pelatih yang tamat pada tahun 1980; seramai 1,778 atau 88.3% adalah pelatih IKM. Ini bermakna sumbangan terbesar MARA dalam melatih belia-belia Bumiputera ialah melalui sistem latihan formal iaitu melalui latihan di IKM.⁴⁰

Jadual 36
Kedudukan Pelatih Anjuran MARA Pada Tahun 1980

Jenis Latihan	Pelatih Baru	Pelatih Tamat
Institut Kemahiran MARA	2,096	1,778
Latihan Sambil Kerja	163	139
Latihan Khas Pendawai Letrik	30	30
Latihan Lanjutan Melalui		
(a) OISCA	19	16
(b) Chargeman	33	23
(c) Latihan Guru Teknikal	13	27
Jumlah	2,354	2,013

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1960, hlm. 9.

³⁹ Laporan Tahunan MARA 1979, hlm. 8.

⁴⁰ Laporan Tahunan MARA 1980, hlm. 9.

Dalam usaha mewujud dan menambahkan tenaga mahir dan separa mahir dalam Rancangan Malaysia Keempat, MARA mengambil seramai 2,664 pelatih baru pada tahun 1981 untuk mengikuti latihan dalam 38 bidang ketukangan. Daripada jumlah itu, seramai 2,197 orang ditempatkan di 8 Institut Kemahiran MARA. Manakala 467 orang diberi latihan lanjutan/khas di Bintulu seramai 155 orang. Jadual 37 menunjukkan pengambilan Bahagian Latihan MARA pada tahun 1981.

Jadual 37
Pengambilan Pelatih Kemahiran Pada Tahun 1981

Program Latihan	Pengambilan
Latihan di IKM	2,197
Latihan Sambil Kerja	312
Latihan Lanjutan/Khas Bintulu	155
Jumlah	2,664

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1981, hlm. 11.

Di samping pengambilan di atas, seramai 167 penuntut baru juga diambil untuk mengikuti kursus perdagangan di Institut Perdagangan Kuala Lumpur.⁴¹

Menerusi aktiviti latihan kemahiran juga, seramai 2,294 tenaga mahir dan separa mahir terlatih dapat diwujudkan pada tahun 1981. Ini disebabkan seramai 2,130 orang pelatih tamat di IKM dan 184 orang pula menamatkan kursus di IPM. Pengambilan dan pengeluaran IKM/IPM pada tahun 1981 dapat dilihat dalam jadual 38.

⁴¹ *Laporan Tahunan MARA 1981*, hlm. 11.

Jadual 38
Pengambilan Dan Pengeluaran Pelatih IKM/IPM Pada Tahun 1981

IKM	Sedia Ada	Pengambilan	Tamat
Johor Bahru	597	375	222
Melaka	421	217	215
Kuala Lumpur	583	342	227
Petaling Jaya	-	177	138
Lumut	411	288	200
Sungai Petani	455	302	273
Alor Setar	155	111	107
Pekan	540	268	272
Perdagangan	276	167	164
Jumlah	3,436	2,247	1,818

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1981, hlm. 11.

Berdasarkan jadual 38, pelatih sedia ada di IKM dan IPM ialah seramai 3,436 pelatih dan pengambilan pula seramai 2,247 orang pelatih. Manakala pelatih yang tamat di kedua-dua institut ialah seramai 1,818 orang.⁴²

Di samping itu seramai 2,776 pelatih baru telah dipilih untuk mengikuti latihan di IKM pada tahun 1982 dan seramai 252 orang pelajar lepasan SPM telah dipilih untuk mengikuti latihan dalam bidang perdagangan dan perakaunan di Institut Perdagangan MARA (IPM). Dalam peperiksaan *London Chamber of Commerce and Industry (LCCI)* pada tahun 1982, 4 orang pelajar telah menggondol '*Me Silver Me Dallion Award*' sebagai pelajar terbaik di peringkat *intermediate* dalam 3 mata pelajaran secara berasingan iaitu mata pelajaran *Business, Statistics, Economic and Costings*.⁴³

⁴² *Laporan Tahunan MARA 1981*, hlm. 11.

⁴³ *Laporan Tahunan MARA 19*.

Jadual 39
Pengambilan Pelatih dan Pelatih Tamat 1982

Jenis Latihan	Pengambilan	Tamat
IKM	2,086	2,030
Latihan Sambil Kerja	250	263
Latihan Lanjutan	206	125
Latihan Khas	184	194
Latihan Guru Teknikal	60	47
Jumlah	2,786	2,629

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1982, hlm. 7.

Untuk memenuhi pasaran kerja di Malaysia, MARA mengambil seramai 2,786 pelatih pada tahun 1982. Berdasarkan jadual 39, pelajar yang tamat kursus anjuran MARA pada tahun 1982 ialah seramai 2,629.

Pada tahun 1983, IKM meneruskan program pengambilan pelajar. Seramai 606 pelajar diambil untuk kursus kerja-kerja logam, seramai 383 pelatih untuk kursus Pertukangan kayu, seramai 314 pelatih untuk kursus Bangunan, 264 pelatih untuk kursus Lukisan, 228 untuk kursus Elektrik, 224 pelatih untuk kursus Otomotif, 125 pelatih untuk kursus Jahitan, 12 untuk kursus Perkilangan Papan, 70 pelatih untuk kursus Elektronik dan 65 pelatih untuk kursus Solekan. MARA berharap, pelatih-pelatih yang tamat kursus ini akan membuka perniagaan sendiri atau sekurang-kurangnya mendapat pekerjaan yang baik dan sekaligus dapat membasmi kemiskinan.⁴⁴

Pada tahun 1984, satu lagi IKM beroperasi iaitu Institut Kemahiran MARA Jasin. Pengambilan pelatih pertama ialah seramai 286 orang. Dengan adanya IKM Jasin, jumlah

⁴⁴ *Laporan Tahunan MARA 1983*, hlm. 14.

IKM sehingga tahun 1984 ialah sebanyak 9 buah. Dengan bertambahnya bilangan IKM, MARA dapat menambahkan bilangan Bumiputera yang terlatih dalam pelbagai bidang kemahiran. Jadual 40 menunjukkan bilangan pelatih dalam pelbagai kursus dan juga pelatih tamat di IKM pada tahun 1984.

Jadual 40
Kursus di IKM dan Pelatih Tamat Pada Tahun 1984

Jenis Kursus	Pelatih	Tamat
Kerja-kerja Logam	-	489
Bangunan	480	393
Lukisan	256	297
Elektrik	252	204
Otomotif	242	216
Pertukangan Kayu	114	156
Jahitan	94	129
Elektronik	59	92
Perkilangan Papan	59	61
Solekan	39	64

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1983, hlm. 14.

Berdasarkan jadual 40, tiada pengambilan untuk kursus kerja-kerja logam pada tahun 1984. Namun demikian pelatih yang tamat untuk kursus tersebut pada tahun 1984 ialah 489 orang. Pengambilan untuk kursus Bangunan ialah seramai 480 orang pelatih dan pelatih untuk kursus yang sama ialah seramai 393. Pengambilan untuk lain-lain kursus ialah kursus Otomotif seramai 242 pelatih, kursus Pertukangan Kayu seramai 212 pelatih, kursus Jahitan seramai 114 pelatih, kursus Elektronik seramai 94 orang, kursus Perkilangan Papan seramai 59 pelatih dan kursus Solekan seramai 39 pelatih. Manakala pelajar tamat untuk kursus Lukisan ialah 297, kursus Elektrik 204, kursus Otomotif seramai 216, kursus Pertukangan Kayu seramai 92, kursus Perkilangan Papan seramai 61

dan kursus Solekan ialah seramai 64. Pada tahun 1985 menerusi program latihan kemahiran seramai 2,562 pelatih baru telah dipilih untuk mengikuti kursus ketukangan di IKM. Manakala pelatih yang tamat pada tahun tersebut seramai 2,431.⁴⁵

Pada tahun 1986 iaitu tahun permulaan Rancangan Malaysia Kelima (RMK 5), MARA menerusi program latihan kemahiran telah mengambil seramai 2,535 pelatih baru untuk mengikuti latihan di 9 buah Institut Kemahiran MARA yang sedia ada. Dalam pada itu seramai 2,214 pelatih pula telah menamatkan kursus mereka. Di samping itu, MARA mempergiatkan lagi program latihan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dengan menubuhkan Institut Kemahiran MARA kecil yang dikenali sebagai Pusat Giat MARA. Pada tahun 1986, MARA menubuhkan 2 buah Pusat Giat iaitu di Paka, Terengganu dan Bandar Muadzam Shah, Pahang.⁴⁶

Pada tahun 1986 juga, IPM mengambil 246 pelajar untuk mengikuti kursus perdagangan dan *Computer Programming*. Jadual 41 ialah pengambilan dan pelajar tamat di IPM pada tahun 1986.

Jadual 41
Pengambilan dan Pelajar Tamat Di IPM Pada Tahun 1986

Kursus	Pengambilan	Tamat
Perdagangan	217	234
Komputer	29	58
Jumlah	246	296

Sumber: Laporan Tahunan MARA 1986, hlm. 13.

⁴⁵ *Laporan Tahunan MARA 1985*, hlm. 10.

⁴⁶ *Laporan Tahunan MARA 1986*, hlm. 10.

Berdasarkan jadual 41, seramai 217 pelajar telah diterima memasuki kursus perdagangan dan 29 pelajar pula diterima mengikuti kursus komputer. Pelajar yang berjaya menamatkan kursus di IPM pada tahun 1986 pula ialah seramai 296 iaitu 234 pelajar dalam bidang perdagangan dan 58 pelajar pula dalam bidang komputer.

Melalui program Bahagian Kemahiran pada tahun 1988, seramai 3,455 pelatih baru telah dipilih untuk mengikuti latihan kemahiran di Institut Kemahiran MARA di seluruh negara. Pada tahun 1988 juga, seramai 2,573 pelajar telah tamat latihan mereka di IKM. Di bawah program yang sama, melalui 14 cawangan IKM yang dikenali sebagai Pusat Giat MARA, seramai 1,865 pelatih baru telah diterima masuk dan seramai 1,700 pelajar telah tamat kursus latihan mereka. Jumlah pelajar yang sedia ada di IKM pada tahun 1988 ialah seramai 5,020 pelatih dan Pusat Giat MARA ialah seramai 1,017 orang pelatih.⁴⁷

Berbanding dengan tahun 1987, pada tahun 1988 menunjukkan sedikit kemerosotan dari segi pengambilan dan pelajar tamat di IKM. Pada tahun 1987, pengambilan pelatih untuk kursus kemahiran di IKM ialah seramai 3,455 dan pada tahun 1988, pengambilan pelatih hanya berjumlah 2,573 pelatih sahaja. Ini menunjukkan kemerosotan pengambilan sebanyak 882 orang pelatih. Pelajar tamat pada tahun 1987 ialah seramai 3,150 dan pada tahun 1988 menurun kepada 2,626 pelatih sahaja.

⁴⁷ *Laporan Tahunan MARA 1988*, hlm. 11.

Kemerosotan ini adalah berkaitan dengan zaman kemelesetan yang melanda Malaysia yang bermula pada tahun 1984.⁴⁸

Melalui program Cawangan Pelajaran Perdagangan, seramai 389 pelajar diambil pada tahun 1988 dan seramai 201 pelajar pula telah menamatkan kursus mereka di IPM pada tahun yang sama. Daripada 389 pelajar yang mengikuti kursus di IPM, seramai 209 pelajar mengikuti kursus *London Chamber of Commerce and Industry* (LCCI), 50 pelajar mengikuti kursus *National Computing Centre* (NCC), 25 pelajar mengikuti kelas Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan seramai 105 pelajar mengikuti kursus *Cooperative Auditors Institute* (ICA).⁴⁹

Kalau dibandingkan dengan tahun 1987, jumlah pengambilan pelajar pada tahun 1988 di IPM merosot dari segi jumlah. Pada tahun 1987, pengambilan pelajar IPM ialah seramai 469 pelajar dan pada tahun 1988, pengambilannya hanyalah berjumlah 389 pelajar. Ini menunjukkan kekurangan sebanyak 80 orang pelajar.⁵⁰ Kekurangan ini amat merugikan MARA dalam usaha membanyakkan jumlah tenaga profesional Bumiputera. Namun begitu dalam keadaan semasa negara iaitu zaman kemelesetan ekonomi. MARA terpaksa menyesuaikan jumlah pengambilan dengan keadaan semasa negara.

Bahagian Latihan Kemahiran pula telah mengambil sejumlah 6,648 pelatih pada tahun 1989. Daripada jumlah ini, seramai 3,370 pelatih diterima masuk melalui sistem

⁴⁸ *Laporan Tahunan MARA 1988*, hlm. 11.

⁴⁹ *Laporan Tahunan MARA 1988*, hlm. 12.

⁵⁰ *Ibid.*

IKM dan 934 pelatih telah dihantar di luar institut untuk menerima latihan. Manakala Pusat Giat MARA menerima pelatih sejumlah 2,182 pelatih.⁵¹

Pada tahun 1990 seramai 7,655 pelatih telah diambil untuk latihan kemahiran. Daripada 7,655 pelatih itu, seramai 4,759 pelatih mengikuti latihan di IKM, seramai 450 pelatih mengikuti latihan di luar IKM dan seramai 2,446 pula mengikuti latihan di Pusat Giat MARA.⁵²

⁵¹ *Laporan Tahunan MARA 1989*, hlm. 7.

⁵² *Laporan Tahunan MARA 1990*, hlm. 10.